

Headline	Siti Nurhaliza bantu pesakit HIV/AIDS		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 Dec 2012	Color	Black/white
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	292 cm ²
Journalist	V'	AdValue	RM 664
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,991



Siti Nurhaliza bantu pesakit HIV/AIDS

PENYANYI terkenal, Datuk Siti Nurhaliza akan melelong dua pasang tudung miliknya rekaan jenama Fareeda pada malam Persembahan Makan Malam Amal Tahajjud Cinta nanti.

Ia bertujuan bagi mengutip dana dua buah pertubuhan kebajikan iaitu Yayasan AIDS Malaysia dan Yayasan Ihtimam Malaysia.

Menurut Siti, tudung yang bakal digayakan pada persembahan itu nanti mendapat sentuhannya sendiri dari segi rekaan mengikut cita rasanya dengan bantuan Fareeda.

"Insya Allah saya akan me-reka khas tudung untuk malam persembahan itu yang akan dilelong selain tudung yang saya pakai pada sidang

media ini turut dilelong.

"Kedua-dua tudung tersebut adalah direka khas dan tidak dijual dalam rangkaian jenama popular itu," jelasnya.

Siti yang juga merupakan Selebriti Sokongan Riben Merah Yayasan AIDS Malaysia sejak 2009 sentiasa terbuka kepada program-program bersifat amal dan sekali gus dapat membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Pada masa yang sama, Siti bangga kerana dapat membekirkan sedikit bantuan untuk mengutip dana buat pesakit AIDS dan berharap persembahan itu nanti dapat mengumpul dana sebanyak mungkin.

"Stigma masyarakat terhadap pesakit HIV/AIDS masih

menebal dalam masyarakat Malaysia.

"Selain membantu mengutip dana untuk membantu mereka, diharap makan malam amal itu nanti dapat mengubah pandangan masyarakat kita mengenai mereka," tambah Siti.

Di samping itu, perjuangan orang yang hidup dengan HIV/AIDS sentiasa menjadi perhatian Siti dan pembabitannya dalam program selebriti sokongan membuka matanya tentang realiti golongan itu.

Dalam pada itu, Siti akan mengadakan persembahan selama 30 minit dengan mengangkat tema kerohanian daripada album Tahajjud Cinta (2009) yang diiringi oleh

kumpulan Mohram dan susunan muzik oleh pengarah muzik terkenal, Aubrey Suwito.

Hasil kutipan daripada persembahan itu nanti akan disalurkan untuk pembangunan program-program pendidikan, pencegahan, rawatan, jagaan dan sokongan bagi membantu golongan penghidap HIV/AIDS di Malaysia termasuk pembinaan sebuah rumah perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak di Kelantan.

Persembahan Makan Malam Amal itu nanti mendapat tajaan penuh daripada jenama tudung Fareeda dan Hotel Grand Hyatt serta bakal berlangsung pada 30 Januari 2013 di Hotel Grand Hyatt.



DATUK SITI NURHALIZA